



Ruj. Kami: JPA(S)(HMS)146/45/1 Klt 6 (13)

Tarikh : 2 Julai 2007

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

Y. Bhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**PELAKSANAAN PENGGUNAAN SURAT PENGESAHAN DIRI DAN
PENGAKUAN PEGAWAI SECARA ONLINE (eGL) DI HOSPITAL-HOSPITAL
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA MELALUI APLIKASI HRMIS**

Sukacita saya menarik perhatian Y. Bhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana semua sedia maklum, peluasan HRMIS ke agensi-agensi sektor awam sedang giat dilaksanakan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 12 Tahun 2005. Bagi memastikan HRMIS sentiasa menyumbang kepada peningkatan kecekapan dan keberkesanan pengurusan sumber manusia sektor awam, penggunaan Surat Pengesahan Diri dan Pengakuan Pegawai melalui aplikasi HRMIS (eGL) akan diperkenalkan di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia.

3. Di peringkat permulaan, penggunaan eGL akan dilaksanakan mulai **1 Ogos 2007** di hospital-hospital di sekitar Lembah Klang seperti berikut :

- (i) Hospital Putrajaya,
- (ii) Hospital Selayang,
- (iii) Hospital Ampang,
- (iv) Hospital Serdang, dan
- (v) Hospital Sungai Buloh.

4. Untuk tujuan tersebut, semua agensi perlu mengambil tindakan segera mengemaskini maklumat berikut dalam aplikasi HRMIS:-

- (i) maklumat pegawai dan keluarga dalam Modul Pengurusan Rekod Peribadi,
- (ii) profil perkhidmatan pegawai (Skim Perkhidmatan, Gred Gaji, Mata Gaji);
- (iii) maklumat unit organisasi pegawai dalam Modul Data Perjawatan; dan
- (iv) nombor gaji.

5. Pelaksanaan arahan ini adalah secara selari dengan amalan semasa iaitu menggunakan Surat Pengesahan Diri dan Pengakuan Pegawai yang dikeluarkan oleh jabatan. Penggunaan eGL adalah tertakluk kepada ketersediaan maklumat yang diperlukan oleh aplikasi HRMIS seperti di perenggan 4 di atas. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab agensi serta pegawai berkenaan untuk memastikan keperluan maklumat dalam aplikasi HRMIS bagi pelaksanaan eGL sentiasa lengkap dan kemas kini.

6. Sebarang pertanyaan dan kemusykilan mengenai perkara ini boleh dirujuk kepada:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
Seksyen Pelaksanaan Agensi
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 Putrajaya


Telefon: 03-88854154 / 88854148 / 88854769

Faks : 03-88892192

E-mel : hrmis_helpdesk@jpa.gov.my

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI ISMAIL ADAM)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

s.k.

Ketua Setiausaha Negara